

**CIRI-CIRI KEINDAHAN DALAM PENGHASILAN  
REKAAN BATIK KONTEMPORARI  
BERINSPIRASIKAN MOTIF ABSTRAK**  
*(THE AESTHETIC VALUES IN THE PRODUCTION OF  
CONTEMPORARY BATIK INSPIRED BY ABSTRACT MOTIFS)*

Zamrudin Abdullah  
Pusat Kebudayaan  
Universiti Malaya

Sabzali Musa Khan  
Siti Rohaya Yahaya  
Akademi Pengajian Melayu  
Universiti Malaya

Mohammad Radzi Manap  
Akademi Pengajian Bahasa  
Universiti Teknologi MARA

**Abstrak**

Karya seni reka batik merupakan kraf tangan Melayu yang dihasilkan menerusi pelbagai teknik dan bentuk kreativiti penghasilannya. Ciri-ciri keindahan atau estetik dalam seni reka batik lazimnya akan dikaitkan dengan konsep keindahan dan fungsi batik itu sendiri. Seni reka batik wujud dalam pelbagai bentuk utiliti seperti pakaian, hiasan dalaman, karya, perhiasan, dan sebagainya. Karya seni reka batik mempunyai tafsiran yang luas dan bukan sahaja dilihat menerusi elemen formal, bahkan turut memancarkan perspektif adat dan budaya tradisi masyarakat. Penghasilan rekaan batik kontemporari dicetuskan bagi mengekalkan tradisi dan reputasi batik supaya terus berada di

persada yang lebih baik. Penekanan kepada elemen formal dalam reka corak menjadikan batik sebagai produk kraf yang kreatif dan berkualiti tinggi. Kelestarian nilai-nilai estetik menjadi pemangkin kepada pembangunan industri kraf itu sendiri khususnya batik. Penulisan ini bersifat kajian studio yang bertujuan untuk menjelaskan proses artistik dan interpretasi elemen formal pada kain-kain sutera yang bersumberkan imej-imej motif abstrak. Kaedah penyelidikan dilakukan secara terus di studio rekaan dan bengkel batik. Pemilihan teknik-teknik dan bahan-bahan dan penstrukturan prinsip dan elemen formal secara lebih kreatif mengikut aspirasi para pengguna pada masa ini. Pendekatan yang mudah dan sistematik bagi mengenal pasti nilai-nilai estetik dalam seni reka batik kontemporari. Kajian artistik dan analisis yang dilakukan secara formal menunjukkan bahawa faktor ekspresi pemikiran, bahan-bahan, teknik-teknik, dan konteks budaya dan masyarakat mempengaruhi penghasilan seni reka batik kontemporari yang diadaptasi daripada motif abstrak. Keunikan motif abstrak sebagai karya baharu menjelaskan idea-idea yang kreatif yang berasaskan olahan dan inovasi daripada motif terdahulu. Penghasilan karya kreatif yang berunsurkan motif abstrak merupakan salah satu langkah untuk melestarikan warisan seni reka batik dalam pengayaan reka corak kontemporari pada masa ini.

**Kata kunci:** Batik moden, kontemporari, estetik, formalistik, abstrak.

### *Abstract*

*Batik is the arts and design of Malay handcraft that is produced through various techniques and forms of creativity. The beauty or aesthetic features of the batik art will normally be associated with the concept of beauty and the batik function itself. The batik art exists in various forms of utilities such as clothing, interior decoration, works, jewelry, etc. The design of batik has extensive interpretation and not only seen in formal elements, but also projecting the traditional perspective and social culture of the community. The production of contemporary batik design is triggered to maintain the tradition and reputation of batik to remain in a better level. The emphasis on the formal elements of the pattern makes batik as a creative craft product with high quality designs. The sustainability of aesthetic values became the catalyst for the development of the craft industry itself in particular batik.*

*The writing is a studio study aimed at explaining the artistic process and interpretation of the formal elements of silk fabrics that are inspired by the image of abstract motifs. Research methods are done directly in the design studio and Batik Workshop. The selection of techniques and materials and structuring principles and formal elements are more creative according to the aspirations of the consumers at this time. A simple and systematic approach to identifying aesthetic values in contemporary batik design. The artistic studies and analysis conducted formally showed that the factors of thought expression, materials, techniques, and cultural and community context influenced the production of contemporary batik design adapted from motifs Abstract. The uniqueness of abstract motifs as a new work explains creative ideas based on treatment and innovations from previous motifs. The production of creative works, which is one of the few steps for the design of the batik art in a contemporary pattern.*

*Keywords: Modern batik, contemporary, aesthetic, formalistic, abstract.*

## **Pengenalan**

Elemen keindahan atau estetik dalam bidang seni lukis dan seni reka merupakan komponen penting bagi memastikan setiap karya atau projek seni yang dihasilkan berkualiti tinggi. Batik moden dan kontemporari yang memiliki kebebasan dari segi rekaan dan tidak terkongkong, di samping memberikan penekanan kepada usaha seseorang pereka untuk mengolah kreatif idea mengikut aspirasi para pengguna pada masa ini. Secara lebih jelas lagi, batik telah melalui revolusi kontemporari dengan batik itu sendiri dijadikan sebagai elemen penting dalam rekaan fesyen terkini. Hal ini agak berbeza dengan fungsi dan aspirasi para pengguna zaman dahulu yang lebih memfokuskan kegunaan praktikal dan salah satu kesenian pakaian tradisional Melayu. Penghasilan reka corak abstrak sepenuhnya merupakan lontaran luahan dalaman emosi pereka tanpa dirinya sendiri menyedarinya. Kain batik abstrak dapat diaplikasikan untuk berbagai-bagai keperluan seperti pakaian, perhiasan, aksesori, dan lukisan. Motifnya yang bebas menjadikan batik disukai oleh hampir semua peringkat umur masyarakat termasuklah golongan remaja.

Demi memenuhi misi ini, satu penyelidikan sudah pun dilakukan yang bertujuan untuk mengkaji dan mengenal pasti penggunaan motif abstrak dalam penghasilan peragaan batik di sebuah bengkel batik milik seorang pereka batik yang bernama Nor Azimah Harun. Dalam konteks penyelidikan ini, motif abstrak sudah pun diolah dengan lebih kreatif dan digunakan sebagai reka corak kontemporari pada setiap kain sutera dan kain kapas yang digunakan.

Dari sudut konsep estetik yang ada pada karya kreatif batik, kelazimannya bergantung pada beberapa unsur yang saling berkait antara satu sama lain dan saling memerlukan seperti kualiti batik itu sendiri, warna, rupa, reka corak, reka bentuk, pengayaan, kemahiran, fungsi, dan kehalusannya. Konsep keindahan dalam pengertian seni lukis dan seni reka merupakan sesuatu yang positif yang melibatkan perasaan seseorang individu secara optimum sehingga menzahirkan suatu kepuasan yang dicapai melalui apresiasi, persepsi, interpretasi, dan proses penghasilan dan penilaian seni. Keindahan itu harus mempunyai ciri-ciri penyatuan dalam prinsip dan elemen rekaan, kesederhanaan, dan aspirasi daripada setiap individu. Keindahan itu mesti dinikmati oleh organ deria dan mesti difahami dengan rangsangan yang cenderung kepada pemikiran dalam meningkatkan daya intelek ke arah keindahan itu sendiri. Psikologi diri yang melahirkan perasaan dari luar dan dalam deria pada setiap individu adalah amat penting untuk mengenali, memahami, dan menikmati nilai-nilai keindahan atau istilah seni yang lebih menarik, iaitu estetik. Secara semula jadinya, ciri-ciri deria luar lazimnya bergantung pada pengamatan dan pemerhatian imej sebenar rupa dan warna. Sementara itu, deria dari dalam pula lebih bersifat sensitif dan selalunya sebarang mesej yang hendak disampaikan mudah untuk dihayati.

Keindahan merupakan suatu pandangan manusia dalam mengamati, mendengar, dan menghayati suatu kejadian atau suatu benda yang di dalamnya mengandungi unsur-unsur seperti berharga, bermutu, dan berguna kepada manusia. Keindahan mempunyai nilai yang terkandung dalam sesebuah karya seni batik dari segi reka bentuk dan reka corak, falsafah, dan maksud di sebalik sesuatu karya seni yang dihasilkan. Keindahan juga merupakan satu istilah yang popular dan sering digunakan dalam bidang seni lukis dan seni reka

serta sering dikaitkan dengan teori-teori seni yang berkaitan. Terdapat dua teori tentang keindahan, iaitu yang bersifat objektif dan yang bersifat subjektif. Dari sudut keindahan yang bersifat objektif, estetik terhasil melalui penumpuan terhadap setiap imej yang dilihat, manakala dari sudut keindahan yang bersifat subjektif pula, estetik merupakan keindahan yang ada pada mata yang memandang. Secara lebih jelas lagi, istilah “keindahan” atau “estetik” merupakan kemuncak ketinggian nilai sesebuah karya kreatif. Tanda aras yang ditetapkan bukan sekadar pada hasil-hasil karya seni yang tersurat, bahkan turut merangkumi aspek-aspek seni yang tersirat. Selain itu, setiap elemen yang membina keindahan saling berkait. Secara lebih jelas lagi, unsur-unsur ini membentuk kesempurnaan pada sesebuah karya kreatif. Bagi menjelaskan unsur-unsur keindahan atau estetik dalam rekaan abstrak pada seni reka batik, beberapa ciri keindahan akan dihuraikan yang merangkumi kreativiti, inovasi, kesempurnaan, keselarasan, dan keseimbangan serta aspek kejelasan. Dalam konteks penyelidikan ini, aspek keindahan sesebuah karya merupakan medium pengantara yang dikaji secara lebih khusus. Perkataan *estetik* atau *keindahan* berasal daripada perkataan Yunani yang berbunyi *aesthetics* atau disebut sebagai *aisthesis*. Namun, bangsa Yunani juga mengenali pengertian keindahan dalam erti estetik yang disebut sebagai *symmetria* yang merujuk kepada keindahan berdasarkan penglihatan (contohnya pada seni tiga dimensi atau arca dan harmoni untuk keindahan berdasarkan pendengaran).

Hakikatnya, keindahan ini dapat dilihat menerusi skop yang lebih luas yang meliputi keindahan seni, alam, budaya, dan moral. Berdasarkan teori-teori dan pencirian konsep oleh Johann Joachim Winckelmann melalui buku *Falsafah dan Kritikan Seni* (2004) hasil tulisan Mohd. Johari Ab. Hamid yang telah dikemukakan oleh beliau melibatkan aspek-aspek seperti konsep keindahan, keindahan dalam seni catan, menilai keindahan dalam seni, dan cara menilai karya seni. Hal ini juga turut diperkukuhkan lagi apabila beliau sendiri pernah menyatakan seni itu sebagai satu peniruan yang meniru keindahan alam. Menurut beliau lagi, alam semula jadi merupakan elemen penting dalam setiap pandangan atau hujahan teori dan konsep yang berpandukan penghasilan sesebuah karya seni itu sendiri.

Dalam buku *Falsafah dan Kritikan Seni* (2004) hasil tulisan Mohd. Johari Ab. Hamid ini juga Winckelmann didapati telah membicarakan perihal kebolehan individu menyedari kewujudan keindahan seni. Beliau menggabungkan pemerhatian dan objek-objek yang diperoleh dengan tujuan untuk mengenali dan menyedari nilai-nilai keindahan. Sebagai contoh, apa yang dihayati oleh seseorang individu itu agak menarik tetapi tidak menurut seorang individu yang lain. Aspek pandangan seseorang individu yang melihat fesyen berwarna kebiruan sebagai menarik dan ada daya tarikan apabila memandangnya, namun sebaliknya, tidak menurut seorang individu yang lain yang menganggap warna lain sebagai warna yang lebih indah daripada warna kebiruan tersebut. Apabila berlakunya persepsi yang berbeza, maka keadaan tersebut akan memberikan kesan kepada pengamatan seseorang individu yang menyatakan fesyen kebiruan itu tiada nilai keindahannya seperti yang dimaksudkan.

Gaya pengamatan dan keupayaan untuk mentafsir yang dimiliki oleh seseorang individu itu sudah pastinya berbeza. Kebolehan individu untuk mengenali atau memahami keindahan adalah tidak sama. Sebagai contoh, seseorang individu yang dikatakan tidak mempunyai bakat atau kebolehan melukis tetapi sebaliknya, tidak boleh menerima kenyataan bahawa penghasilannya tidak mempunyai nilai-nilai estetik seperti yang dikehendaki. Dalam erti kata yang lain, pelukis tersebut tidak mempunyai kebolehan untuk memahami, mengenali, dan menghayati keindahan sesebuah karya seni.

Menerusi konteks keilmuan, estetika merupakan bidang kajian falsafah tentang *the science of beauty* (iaitu tentang hakikat nilai keindahan). Hal ini melibatkan sensitiviti atau kepekaan deria pengamatan dan pemerhatian seseorang individu dalam bidang seni. Konsep estetik kelazimannya dikaitkan dengan pendekatan apresiasi seni yang merujuk kepada keinginan untuk memahami dan mengkaji nilai-nilai keindahan yang terdapat pada lakaran lukisan dan rekaan yang wujud dalam sesebuah karya seni. Ramai penulis dan ahli sarjana mengakui bahawa aspek formalistik merupakan faktor utama dalam melihat dan menganalisis nilai-nilai keindahan sesebuah karya seni. Pendekatan kepada ekspresi diri yang lahir daripada pengalaman dan pengamatan keindahan melalui apresiasi seni itu sendiri. Ekspresi diri

melibatkan interpretasi emosi seseorang pengkarya yang diaplikasikan pada karya dan disampaikan dalam bentuk ikonografi.

### **Elemen Asas dan Formal dalam Karya Seni Reka**

Dua aspek utama, iaitu formalistik dan ikonografi merupakan persoalan utama yang menjadi tunjang dalam penghasilan sesebuah karya seni. Dalam menghayati sesebuah karya seni, dua bentuk elemen, iaitu formalistik dan ikonografi atau konsep yang lebih mudah disebut, iaitu bentuk dan isi yang juga kelazimannya dikenali sebagai aturan dan makna (Mulyadi Mahmood, 1993). Kedua-duanya saling bersatu dalam membentuk sesebuah karya seni dan sentiasa saling menyokong. Keberkesanan untuk menggunakan elemen-elemen seni atau unsur-unsur seni bergantung pada tahap kefahaman seseorang pereka dalam memilih dan menyusun imej-imej formal untuk menghasilkan karya kreatif dalam seni reka batik.

Sesuatu reka corak yang dihasilkan lazimnya terdiri daripada dua elemen utama, iaitu motif dan pengertiannya. Motif atau reka corak seni reka batik merupakan imej yang dilihat, iaitu paparan elemen formalistik dalam karya seni reka. Ciri-ciri formalistik merangkumi elemen-elemen seperti garisan, rupa, tona, bentuk, ruang, komposisi, perspektif, dan warna. Kombinasi elemen-elemen formalistik sebagai idea rekaan akan menghasilkan motif atau reka corak. Keupayaan menganalisis atau mengenali ciri-ciri formalistik akan mendekatkan setiap pereka kepada persoalan ikonografi atau maksud sesebuah reka corak yang dihasilkan. Pengertian sesuatu reka corak pula merupakan interpretasi terhadap pengertian berdasarkan apa yang dilihat oleh seseorang pereka.

Persepsi sedemikian merujuk kepada pengertian mengapakah sesebuah hasil reka corak itu dihasilkan? Sebagai contoh, sesuatu interpretasi dikaitkan dengan isu yang signifikan dengan adat, budaya, kepercayaan, sejarah, mitos, legenda, dan sebagainya. Kedua-dua elemen reka corak dan pengertian penghasilannya saling berkait rapat dalam menyampaikan mesej sesebuah karya seni reka batik tersebut. Sesebuah hasil seni terbit daripada ekspresi atau kemahiran kreatif dan imaginasi seseorang pereka yang lazimnya dalam bentuk visual.

Seseorang pereka menghasilkan reka corak batik dengan tujuan untuk dihayati dan dihargai terutamanya yang berkaitan dengan kecantikan, keunikan, dan keindahan kepada para peminat batik. Secara lebih jelas lagi, setiap pereka mempunyai justifikasi, idea atau inspirasi mereka yang tersendiri dalam penghasilan reka corak batik. Keperkasian ciri-ciri formalistik merupakan faktor utama untuk membuka ruang kefahaman pada tahap ikonografi atau maksud sesuatu reka corak batik yang dihasilkan.

Pemahaman terhadap aspek-aspek formalistik ini amat perlu dalam membantu setiap pereka untuk mengenali, memahami, dan menghasilkan seni reka batik yang berkualiti. Hassan Mohd Ghazali (2012) menegaskan bahawa sebenarnya, bangsa Yunani kuno sudah pun menghayati pengalaman keindahan sebagai mewarisi bangsa mereka. Bangsa Yunani kuno juga turut mengenali kata *keindahan* dalam erti estetik yang disebut sebagai *symmetria* untuk keindahan visual. Sementara itu, perkataan *harmonia* pula merujuk kepada keindahan pendengaran. Lantaran itu, pengertian keindahan ternyata meliputi persoalan-persoalan tentang keindahan seni, alam, moral, dan intelektual. Keindahan merupakan pengertian seni yang telah diwariskan oleh bangsa Yahudi pada zaman dahulu. Thomas Aquinas (1225-1274) merumuskan keindahan sebagai sesuatu yang menyenangkan apabila dilihat. Plato (428-348 SM) dan Aristotle (384-322 SM) juga adalah antara tokoh falsafah Yunani yang sememangnya dikenali umum dan memiliki idea-idea yang tersendiri tentang bidang falsafah. Idea-idea atau pemikiran falsafah mereka merangkumi pelbagai aspek kehidupan masyarakat seperti sosial, ekonomi, dan politik. Plato menilai karya seni secara luaran seperti tahap realistik, moralistik, pendidikan, dan politik. Beliau merendahkan seni berbanding bidang bukan seni, iaitu moral dan politik. Hal ini menunjukkan bahawa beliau melihat seni dalam bentuk eksternal, iaitu pengertian istilah pada masa ini, pandangan ini sering dikenali sebagai “seni untuk masyarakat”. Sementara itu, Aristotle pula merumuskan keindahan sebagai sesuatu yang baik dan menyenangkan. Menurutnya lagi, seni berpusat padanya sahaja dan tiada kaitan dengan fikiran dan perasaan seseorang artis atau realiti luaran.



Kenyataan Aristotle ini dalam erti kata lain boleh difahami sebagai seni boleh dinilai dan dikritik melalui seni sahaja. Beliau menganggap bahawa seni itu ibarat organisma biologi yang boleh dikaji sifat-sifatnya. Oleh itu, seni dapat dikategorikan ke dalam jenis-jenis yang tertentu dan dikaji secara berasingan berdasarkan konteks masing-masing. Karya yang berbentuk realisme lebih bersifat relatif dan internal. Setiap artis bebas untuk berkarya mengikut imaginasi masing-masing dengan mengikut sebarang acuan yang telah dikategorikan. Setiap karya kemudiannya boleh dinikmati atau dikritik mengikut kategori masing-masing yang tersendiri. Plotinus menulis perihal ilmu yang indah dan kebajikan yang indah. Pengertian keindahan secara luas meliputi keindahan seni, alam, moral, dan intelektual.

Kesan penting penyerapan teori Plotinus ialah penubuhan fahaman renungan sebagai idea pusat dalam teori keindahan. Mulyadi Mahamood (1995) menyatakan bahawa para pengkarya pada masa ini lebih cenderung untuk memberikan perhatian kepada pengalaman keindahan yang dilalui oleh diri mereka sendiri. Hal ini ternyata jelas menunjukkan bahawa keindahan yang terdapat pada setiap karya seni boleh dihayati dari satu zaman ke satu zaman yang lain. Para pengkarya lazimnya bertindak sebagai subjek, manakala hasil-hasil karya seni mereka pula bertindak sebagai objek. Oleh itu, dalam konteks apresiasi seni, subjek merupakan penghayat seni, manakala objek pula merupakan karya. Hubungan antara pengkarya dengan pengertian karya saling melengkapi kerana diri penghayat seni mempunyai reaksi spontan akibat daripada rasa keindahan atau ekspresi terhadap sesebuah karya seni yang dihasilkan.

Penghasilan sesebuah karya kreatif adalah melalui komposisi atau susun atur yang terkandung prinsip-prinsip seni dan elemen-elemen rekaan. Seseorang individu yang mengetahui dan memahami prinsip-prinsip seni dan elemen-elemen rekaan akan berupaya untuk menganalisis sesebuah hasil seni. Penganalisan formalistik merupakan satu kaedah penting untuk menjelaskan maklumat tentang sesebuah karya seni visual.

Penjelasan mengenai struktur visual boleh dinyatakan tentang cara elemen-elemen seni diolah dan seterusnya berfungsi dalam sesebuah karya kreatif yang dihasilkan. Struktur visual juga merupakan satu strategi yang digunakan untuk menunjukkan apa yang dilihat diterjemahkan ke dalam bentuk perkataan sama ada secara verbal mahupun secara bertulis. Pendekatan ini boleh digunakan untuk sebarang kerja seni seperti ukiran, lukisan, dan artifak-artifak seni yang lain. Konsep-konsep formalistik untuk menganalisis hasil-hasil karya seni kreatif ini terbahagi kepada dua, iaitu terhadap elemen-elemen dalam kesenian dan prinsip-prinsip rekaan. Terdapat beberapa elemen kesenian dan prinsip rekaan yang boleh digunakan oleh setiap artis dan pereka untuk menghasilkan karya-karya seni. Antaranya ialah warna, bentuk, garisan, rupa,imbangan, penekanan, pengulangan, dan lain-lain.

Kefahaman dan penjiwaan terhadap alam memberikan peluang kepada para pengkarya untuk mengaplikasikan keindahan alam sekitar kepada hasil kreativiti dalam dunia kesenian. Kesenian tersebut juga melibatkan jiwa, perasaan, nilai-nilai sosial, pandangan umum, dan pemikiran yang terbina dalam masyarakat. Seni merupakan segala yang berkaitan dengan karya kreatif yang dihasilkan oleh unsur minda, rasa atau sentuhan. Seni boleh diterjemahkan melalui ekspresi kreativiti manusia. Seni agak sukar untuk dijelaskan dan juga agak sukar untuk dinilai. Secara spesifiknya, seni merupakan suatu ekspresi perasaan manusia yang memiliki unsur-unsur keindahan dan diterjemahkan melalui suatu media yang mempunyai sifatnya yang jelas yang terhasil sama ada dalam bentuk suara mahupun nada, pergerakan, hiasan, dan rupa serta dapat dirasai oleh pancaindera manusia.

Menurut Howard Conant (1964) menerusi buku beliau yang berjudul *The Center for Applied Research in Education*, untuk memahami seni, manusia harus belajar melihat dan bukan sekadar memandang tetapi mereka mesti mempunyai kesedaran terhadap setiap perkara yang dilihat atau disaksikan oleh manusia. Manusia juga harus belajar untuk menyelami dan menghayati, mampu bertindak balas secara emosional, harus memiliki kesedaran bagi setiap jawapan dan bertindak balas, dan bukan sekadar memahami secara kabur. Conant turut menegaskan bahawa untuk memahami seni, manusia juga harus

belajar berfikir secara visual dan bukan hanya dengan kata-kata. Seseorang individu juga perlu belajar untuk bertindak balas secara empati dan jasmani untuk bekerja dalam bidang kesenian yang diceburi. Arnheim (1989) mentakrifkan seni umpama suatu situasi tentang cara manusia meluahkan emosi dan tercipta menerusi tahap-tahap nada emosi yang tertentu. Luahan emosi ini berkait rapat dengan perasaan dan disampaikan menerusi ekspresi perasaan.

Setiap artis atau pengkarya akan memilih sendiri cara-cara atau pendekatan penghasilan sesebuah karya seni mereka sendiri berdasarkan ekspresi perasaan, kemahiran, kemampuan berfikir secara visual, dan pengalaman. Sehubungan dengan itu, hasil seni yang dihasilkan mempunyai perkaitan dengan jiwa seseorang pereka atau pengkarya itu sendiri.

### **Karya Seni Reka Batik**

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai kepelbagaian hasil kraf tempatan. Majlis Kraf Dunia-Asia Pasifik (WCC-APR) mengiktiraf batik Malaysia sebagai salah satu hasil kraf tempatan yang terkenal sehingga ke peringkat global. Industri kraf di Malaysia boleh dikategorikan kepada pelbagai hasil seperti tekstil, seramik, logam, rotan, dan aneka kraf tangan yang lain (Malaysia, Laporan Tahunan 2012). Batik merupakan salah satu produk kraf tangan yang berasaskan tekstil (Amin, 2006). Batik terdapat dalam pelbagai bentuk. Antaranya adalah seperti batik tulis, batik skrin, batik celup, dan batik terap. Batik merupakan satu bidang kraf tangan yang unggul di Malaysia. Sejak abad ke-15 Masihi lagi, kaedah pembuatan batik secara tradisional telah ditemui. Batik merupakan salah satu teknik yang diaplikasikan di atas kain dengan olahan kreatif reka corak yang menggunakan lilin sebagai penahan bagi menghalang warna menembusi bahagian-bahagian yang lain di atas permukaan kain yang telah dicorakkan (Kheng, 2002). Tekstil yang berasaskan batik bukan sahaja popular dengan fungsinya sebagai antara karya kreatif kraf yang terkenal di Malaysia, bahkan turut melibatkan keunikan penghasilannya melalui aspek formalistik, kualiti kain yang digunakan, dan teknik-teknik penghasilan batik itu sendiri.


Reka corak atau motif merupakan sebahagian daripada elemen visual yang utama dalam menghasilkan batik. Motif lazimnya diolah dan berkembang sebagai reka corak yang menjadi perisian sebagai dekorasi bagi seni reka batik. Dalam menghasilkan reka corak kreatif dalam seni batik, lazimnya para pereka mendapat ilham daripada alam sekeliling seperti alam flora dan fauna. Oleh hal yang demikian, setiap idea batik yang diaplikasikan merupakan hasil daripada kaitan reka corak tersebut dengan masyarakat, budaya, dan alam sekitar. Hubungan antara idea kreatif dengan pengertiannya dalam penghasilan karya seni reka batik dapat menjelaskan nilai akal fikiran dan pengalaman seseorang pereka itu sendiri yang dipengaruhi oleh bentuk fizikal kehidupan dalam persekitarannya.

Implikasinya, kita dapat mengetahui pengaruh rekaan itu diaplikasikan mengikut aspirasi seseorang pereka itu sendiri berdasarkan pengalaman dan penumpuan imej-imej yang terlintas dalam mindanya sendiri. Secara tidak langsung, setiap reka corak batik yang dihasilkannya didasari oleh teknik pengayaan motif, olahan idea, dan pengertiannya. Reka corak batik bersifat dua dimensi (aplikasi di atas fabrik) dan susunan reka corak agak ringkas, bebas, dan digayakan secara kreatif, manakala pengertiannya pula lebih bersifat abstrak dan subjektif. Sekiranya reka corak itu sentiasa ada perubahan, maka pengertian juga akan turut berubah mengikut aspirasi yang mengolah idea-idea tersebut. Proses pembuatan batik amat berkait rapat dengan bahan-bahan dan peralatan yang digunakan oleh para pereka batik.

Secara lazimnya, faktor persekitaran seseorang pereka itu sendiri yang banyak mempengaruhi idea dalam penghasilan reka corak batik. Terdapat satu keunikan dan kelebihan batik yang boleh dijadikan sebagai panduan untuk membezakan antara batik asli dengan batik tiruan. Sebagai contoh, elemen-elemen yang ada pada batik sarung asli memperlihatkan lebih jelas motif yang dilukis pada kedua-dua belah permukaan kain.

Motif yang dilakarkan pada bahagian luar adalah sama kualitasnya dengan motif yang dilakarkan pada bahagian dalam. Sementara itu, bagi batik yang ditiru seperti batik Siam pula, batik Siam lazimnya

mempunyai perbezaan yang ketara dengan motif yang dilakarkan pada bahagian dalam yang sememangnya tidak jelas berbanding dengan motif yang dilakarkan pada permukaan di sebelah luar. Kain sarung yang disebut sebagai batik Siam sebenarnya tidak wajar atau tidak sesuai untuk digolongkan sebagai kain batik asli. Hal ini dikatakan demikian kerana teknik dan proses yang digunakan bagi penghasilan motif tidak melibatkan teknik batik tetapi melibatkan teknik mencorakkan secara langsung dengan menggunakan teknologi pencetakan. Bahan pewarna yang digunakan juga agak berbeza dengan bahan pewarna untuk kain batik asli.



**Rajah 1.** Aspek yang mempengaruhi penghasilan karya batik abstrak.

Rajah 1 menunjukkan dua aspek penting dalam penghasilan reka corak batik. Aspek yang pertama ialah pemilihan motif dan tema, manakala aspek yang kedua pula ialah pemilihan teknik dalam proses membatik dan persembahan. Kedua-dua aspek ini disebut sebagai proses artistik yang perlu dilalui oleh seseorang pereka untuk menghasilkan reka corak batik di atas kain.

### **Konsep Rekaan Seni Reka Batik**

Seni reka batik merupakan salah satu daripada kesinambungan warisan tradisi Melayu hinggalah ke hari ini. Penemuan awal batik ini agak penuh rahsia dan hingga ke hari ini masih dipertikaikan oleh para

penyelidik dan ahli-ahli sejarawan seni. Walaupun sejarah asal usul teknik batik masih berada dalam kekaburan, namun Langewis dan Wagner (1964, p.26) telah mengemukakan pendapat tentang kemungkinan teknik membatik di Jawa berasal dari India. Kenyataan mereka berpandukan pendapat Alfred Steinmann yang menjelaskan bahawa pada abad ke-11 atau abad ke-12 Masihi, orang-orang Singhalis (Cinghalese) telah membawa teknik batik dari tenggara Deccan ke India Timur dan seterusnya ke Jawa. Ada antara ahli arkeologi yang membuat kenyataan dan mengemukakan pendapat berdasarkan teori bahawa batik sebenarnya telah bermula di negara-negara sebelah Timur. Konsep asal dalam penghasilan kain dengan menggunakan teknik batik adalah daripada tamadun besar dunia, iaitu Mesir walaupun hakikatnya, istilah “batik” sebenarnya berasal dari kawasan-kawasan tertentu di kepulauan Melayu.

Batik merupakan satu bidang kraf tangan yang unggul di Malaysia. Sejak abad ke-15 Masihi lagi, orang-orang Melayu sudah mula menjalankan kegiatan membuat batik secara tradisional. Masyarakat Melayu pada zaman dahulu menggunakan ubi kentang sebagai alat mengecap. Alat ini merupakan alat yang popular digunakan semasa batik mula berkembang di kepulauan Melayu. Dalam konteks perkembangan batik di alam Melayu, sejenis batik unik yang dipanggil sebagai batik pelangi telah diperkenalkan pada tahun 1770-an. Kain ini pernah dipakai oleh kaum wanita Melayu pada zaman dahulu, tetapi sudah pun lenyap selepas tercetusnya perang dunia kedua. Kain batik pelangi ini dihasilkan dengan menggunakan teknik ikat celup seperti proses membuat kain limar. Perbezaannya ialah kain pelangi dihasilkan dengan mengikatnya pada kain kosong yang sudah siap, manakala kain limar pula dihasilkan dengan mengikat benang pakan sebelum benang itu ditenun. Batik mula diperkenalkan di Tanah Melayu khususnya di Kelantan pada tahun 1910. Perkembangan awal batik di Tanah Melayu dipercayai bermula di Kelantan dan Terengganu (Azmi et. al, 2009 dan Yunus, 2011).

Perkembangan awal memperlihatkan kesan-kesan dan pengaruh daripada batik Jawa. Seni mengecap lilin di atas kain merupakan seni warisan di kepulauan Melayu dan teori ini boleh diperkuatkan atau

diperkukuh oleh perkataan *batik* itu sendiri yang berunsurkan Melayu dan Jawa, iaitu titik dan amba (tulis). Mulai tahun 1930-an hingga perang dunia kedua, industri batik di Tanah Melayu berkembang dengan pesat. Para pengusaha batik di negeri Kelantan dan Terengganu merupakan perantus kepada perkembangan batik di negara ini. Istilah “batik” sebenarnya berasal dari Indonesia dan istilah ini juga diinspirasikan daripada perkataan Jawa, iaitu “tik” yang bermaksud menitik atau menulis titik-titik. Pernyataan ini dicatat sendiri oleh Abdullah Mohamed (1990) dan beliau menyatakan bahawa perkataan *batik* secara jelasnya berasal dari Indonesia. Istilah “batik” merupakan gabungan daripada perkataan Melayu *titik* dan perkataan Jawa *amba* yang bermaksud menulis. Oleh itu, batik bermaksud menulis titik-titik seperti yang dinyatakan. Elemen titik-titik yang dimaksudkan merupakan lakaran motif yang berupa bunga-bunga dan lakaran motif yang kecil di atas permukaan kain putih. Kemudian, teknik untuk mewujudkan motif-motif itu bergantung pada zaman dan ruang.

Teknik batik, teknik ikat celup, dan teknik pelangi termasuklah teknik teritik juga tergolong ke dalam teknik resist. Asas kepada kesemua teknik ini adalah sama. Dari aspek proses penghasilan, setiap teknik menggunakan bahan-bahan yang tertentu untuk menghasilkan kesan-kesan resist yang berbeza-beza. Sebagai contoh, dalam proses membuat ikat celup, proses pencelupan bahan atau media yang digunakan akan menghalang (*resist*) warna pencelup daripada meresap atau memasuki bahagian-bahagian yang akan menghasilkan corak atau motif. Dalam konteks teknik membatik, prosesnya merupakan satu kaedah reka corak yang diaplikasikan di atas kain, bahan utama yang digunakan ialah lilin, bahan pewarna moden, dan bahan pewarna semula jadi. Lilin merupakan bahan utama yang digunakan sebagai pemisah warna sama ada dilukis menggunakan alat yang dinamakan sebagai canting mahupun diterap dengan menggunakan alat yang dinamakan sebagai blok ke atas permukaan kain. Kemudiannya, proses mewarnakan batik dilakukan dengan menggunakan kaedah sapuan dan celupan.

Teknik batik untuk menghasilkan reka corak atau motif batik dalam dua atau tiga warna adalah amat mudah untuk dilakukan. Bahagian-bahagian tertentu kain misalnya, dicanting atau diterap

dengan lilin yang sudah pun dipanaskan. Apabila proses pencelupan atau sapuan warna dilakukan, maka bahagian-bahagian yang sudah pun dicanting atau diterap dengan lilin itu tidak akan dimasuki oleh bahan pewarna. Selepas proses pengeringan, proses mematkan warna, dan proses merebus selesai dilakukan, lilin yang sudah pun diterap itu akan tanggal dengan sendirinya, manakala bahagian-bahagian yang sebelumnya diterap dengan lilin akan timbul sebagai reka corak atau motif dengan berlatarkan warna pencelup yang sudah pun digunakan sebelumnya.

Dari aspek proses pembuatan, batik kontemporari didapati lebih produktif dan cepat disiapkan berbanding batik blok atau cap kerana reka corak atau motif yang dihasilkan tidak menutupi seluruh permukaan kain. Selain itu, penghasilan batik tradisional secara lazimnya dibuat untuk digunakan sebagai pakaian sarung atau batik lepas sedangkan batik kontemporari atau eksklusif pula dihasilkan untuk menghasilkan baju kurung moden, blaus, skirt, pareo, dan kemeja. Secara lebih jelas lagi, batik kontemporari lazimnya dibuat untuk pakaian wanita dalam pelbagai fesyen, manakala untuk pakaian lelaki pula dibuat secara formal dan kasual. Motif atau reka corak batik kontemporari bersifat lebih bebas dan lebih memperlihatkan daya kreatif para pereka atau pembatik yang menghasilkannya. Walaupun penghasilan batik kontemporari adalah lebih bebas dan memberi ruang yang lebih untuk daya ekspresi setiap pereka berbanding penghasilan batik tradisional, namun mutu batik tradisional juga mempunyai keunikan dan kelestarian yang amat dihargai oleh masyarakat pada masa ini. Penilaian yang meletakkan sama ada mutu batik kontemporari lebih tinggi mahupun sebaliknya merupakan penilaian yang bersifat subjektif. Kedua-dua jenis batik sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini merupakan hasil seni yang mempunyai keunikan dan mempunyai kualiti yang tinggi.

Keunikan seni batik terletak pada ciri-ciri yang berlainan bagi motif yang digayakan di atas kain. Oleh hal yang demikian, satu-satu batik yang dihasilkan tidak akan sama dengan satu-satu batik yang lain walaupun masing-masing menggunakan canting, blok, dan warna yang sama. Kaedah yang digunakan ini dikenali sebagai proses



membatik dan kain yang diolah atau dicorakkan dengan teknik berkenaan disebut sebagai kain batik (lazimnya penggunaan kain jenis sutera dan kain kapas). Batik juga bukanlah merujuk kepada sesuatu reka corak atau motif yang tertentu sahaja. Apa jua corak atau motif yang dihasilkan dengan teknik dan proses batik wajar digolongkan sebagai batik atau *resist*.

### **Konsep Rekaan Batik Kontemporari**

Kemajuan dan perkembangan teknologi dalam pengeluaran batik semakin hebat. Oleh itu, sememangnya wajar batik tradisional juga perlu membuat anjakan paradigma dengan mengorak langkah dan mencari satu nafas baharu dari aspek reka corak, teknik, bahan, warna, dan fungsi batik itu sendiri.

Walaupun perkembangan teknologi berlaku agak pantas, namun kehadirannya tidak sepatutnya melalaikan kita dalam melestarikan warisan budaya tradisi bangsa. Seperti yang kita sedia maklum bahawa batik merupakan salah satu daripada warisan kraf tekstil Melayu. Keunikan dan keindahan batik apabila dilestarikan dan dikembangkan ke arah yang bersesuaian dengan cita rasa pada masa ini sudah pastinya warisan batik Melayu akan seiring dalam memenuhi kehendak pasaran dan industri tekstil khususnya. Bagi memastikan warisan kraf batik mempunyai kesinambungan yang konsisten dan bersesuaian dengan cita rasa dan kehidupan pada masa ini, evolusi olahan idea atau reka corak perlu dilaksanakan dan transformasi yang menyeluruh dalam pengeluaran produk batik yang bermutu tinggi perlu mendominasi pasaran antarabangsa dengan jayanya.

Transformasi motif tradisional bukan bermaksud kita meninggalkan keindahan ragam hias pada zaman dahulu, malahan usaha ini bertujuan untuk memperkasakan dan mempertingkatkan nilai estetik batik itu sendiri. Peranan para pereka amat penting dalam memartabatkan reka corak batik untuk berada di persada yang lebih global. Para pereka haruslah lebih bijak dalam merancang dan memperkasakan prinsip-prinsip dan elemen-elemen rekaan serta kreatif dalam penggayaan motif batik itu sendiri. Transformasi idea-idea

baharu dan kombinasi teknik-teknik dan motif-motif yang kreatif perlu mengikut kehendak pasaran pada masa ini. Seni batik kontemporeri menekankan elemen-elemen seperti kreativiti, reka corak, konsep, dan produktiviti mengikut trend semasa. Ciri-ciri ini menjadi asas utama dalam mengukur nilai estetik sesebuah hasil rekaan batik. Konsep rekaan kontemporeri yang dihasilkan lebih bersifat bebas, ringkas, dan kreatif.

Walau bagaimanapun, motif dan reka corak tradisional masih lagi digunakan dalam penghasilan produk-produk batik yang lain seperti penghasilan batik sarung dan batik lepas. Beberapa kriteria asas yang menjadi panduan dalam penghasilan produk batik kontemporeri adalah seperti yang berikut:

- a. Peringkat pertama ialah pemilihan idea sama ada merujuk kepada sumber alam semula jadi mahupun motif geometri yang sedia ada.
- b. Kedua-duanya boleh diaplikasikan atau digabungkan bagi menghasilkan suatu reka corak yang baharu.
- c. Kelazimannya, lakaran-lakaran idea yang dilukis akan direkodkan sebagai rujukan para pereka.
- d. Peringkat seterusnya ialah proses perkembangan idea, iaitu transformasi idea yang banyak didominasi oleh lakaran dan visual yang dipilih. Lakaran ini merupakan motif rujukan asal kepada idea-idea baharu. Para pereka yang kreatif juga sering menjadikan lakaran dan motif-motif terdahulu sebagai rujukan untuk membantu proses perkembangan idea.
- e. Dalam proses perkembangan idea ini, para pereka perlu mendokumentasikan proses kerja. Dokumentasi ini disebut sebagai portfolio rekaan yang lengkap yang merangkumi lakaran reka corak, imej motif dilakar secara berperingkat dan digayakan secara kreatif, dan imej-imej motif sebagai rujukan kepada para pereka.


- f. Pemilihan konsep rekaan yang tepat dan bersesuaian dengan cita rasa pasaran merupakan aspek yang perlu diberi perhatian untuk menghasilkan rekaan batik abstrak dan batik kontemporari. Gabungan ciri-ciri tradisional dan ciri kontemporari pula boleh dilakukan dengan mengekalkan sedikit elemen tradisi dan elemen inovasi yang diaplikasikan mengikut kehendak pasaran.
- g. Pemilihan motif rekaan yang betul dan memahami kesesuaian reka letak atau komposisi dengan konsep rekaan perlu diteliti dan ditekankan. Pemilihan tema warna juga turut mempengaruhi rekaan motif yang hendak dicetuskan di atas kain. Oleh itu, para pereka perlu memahami ciri-ciri kain yang hendak digunakan terlebih dahulu agar bersesuaian dengan reka corak yang dihasilkan.

### **Proses Penghasilan dan Pengeluaran Batik**

Proses penghasilan kain batik (batik canting) dan seterusnya penghasilan produk kain perlu melalui beberapa langkah dengan menggunakan peralatan seperti canting dan pemedang serta aplikasi teknik-teknik tertentu. Kain putih dibersihkan (dibuang kanji) terlebih dahulu dengan cara merebusnya dengan campuran tawas atau direndam selama beberapa jam dan seterusnya dijemur sehingga kering. Proses melukis batik adalah seperti yang berikut:

- (1) Kain direntangkan dan dilakarkan reka corak motif kontemporari seperti yang dikehendaki dengan menggunakan pensel.
- (2) Selepas selesai sesi lakaran, kain tersebut diregangkan dengan menggunakan pemedang besi.
- (3) Campuran lilin dimasak (dipanaskan sehingga cair).
- (4) Proses mencanting dimulakan dengan cairan lilin divedok dengan menggunakan canting dan seterusnya corak-corak dilukis dengan menggunakan canting dan dilukis berpandukan corak-corak yang sudah pun dilakarkan menggunakan pensel terlebih dahulu. Proses ini dilakukan sehingga memenuhi keseluruhan kain.

- (5) Warna disapukan pada kain berdasarkan reka corak yang dikehendaki dengan menggunakan berus yang sesuai.
- (6) Selepas proses mencanting dan mewarna selesai, kain direndam selama enam jam di dalam cairan yang dikenali sebagai *sodium silicate*. Fungsi bahan ini bertujuan untuk mematkan warna dan memastikan produk batik tidak luntur.
- (7) Seterusnya, kain akan dibersihkan dan serbuk *soda ash* digunakan untuk menanggalkan lilin. Serbuk tersebut dicampurkan ke dalam air panas yang berfungsi untuk menanggalkan semua lilin yang ada di atas kain yang sedang direbus.
- (8) Akhir sekali, kain dibersihkan dan dijemur sehingga kering dan pewangi juga turut digunakan untuk mewangikan kain.




Rajah 2. Lakaran-lakaran Awal Menghasilkan Reka Corak Kontemporeri.

Antara lakaran awal dalam menghasilkan reka corak ialah lakaran dihasilkan di atas kertas putih kosong dengan menggunakan garisan-garisan pensel sahaja. Pemahaman terhadap elemen-elemen dan unsur-unsur rekaan banyak mempengaruhi para pereka dalam menyatukan reka corak secara harmoni. Asas lakaran ini menjadi momentum kepada para pereka dalam perkembangan proses-proses yang seterusnya seperti teknik dan warna.

## Kajian Rekaan Kain Batik Bertemakan Motif Abstrak

Kain batik yang bertemakan motif abstrak dirancang berdasarkan beberapa kaedah. Sebagai contoh, motif batik abstrak dihasilkan dengan memfokuskan dua kaedah, iaitu kajian berasaskan rujukan sebelumnya dan kajian lakaran secara visual yang dipraktikkan di studio. Kedua-dua kaedah kajian tersebut digunakan untuk membantu mendapatkan hala tuju kajian motif abstrak dalam penghasilan batik dengan lebih sistematik dan terancang.



Rajah 3. Kaedah penghasilan karya berdasarkan kajian sejarah dan praktikal studio.

## Elemen Estetik dalam Batik Moden Koleksi Nor Azimah Harun

Nor Azimah Harun merupakan seorang pereka batik berpengalaman yang memperjuangkan seni kraf batik sebagai warisan kraf yang perlu dijaga, dipelihara, dan dilestarikan. Pereka batik yang berasal dari Muar ini merupakan salah seorang pereka batik yang mempunyai koleksi batik yang agak unik dan mula mendapat tempat dalam kalangan peminat batik di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor. Beliau menimba pengalaman bermula pada peringkat pembelajaran, iaitu di Fakulti

Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam bidang seni reka tekstil. Selepas berjaya menamatkan pengajian, beliau terus menimba pengalaman dengan bekerja sebagai pereka batik di Lembah Klang selama hampir 10 tahun. Dengan berbekalkan pengalaman yang ada, beliau mengambil keputusan untuk membuka perniagaan sendiri dan menubuhkan jenama beliau sendiri, iaitu *Carma Design* dan hingga kini perniagaan beliau telah beroperasi hampir lima tahun. *Carma Design* pernah terlibat dalam beberapa pentas peragaan fesyen di sekitar Kuala Lumpur seperti *Kuala Lumpur Fashion Week*. Penghasilan batik kreatif beliau dipaparkan dalam surat khabar tempatan (Rajah 4).



Rajah 4. Paparan koleksi Batik Abstrak karya Nur Azimah Harun di Surat Khabar

Dari segi rekaan, Nor Azimah Harun banyak mengetengahkan reka corak abstrak seperti yang dihasilkan sepanjang tahun 2019. Beliau telah memilih motif abstrak bertemakan idea kontemporari sebagai pencetus kepada aspirasi para peminat batik pada masa ini.

Motif abstrak merupakan motif yang memperlihatkan anjakan paradigma kualiti sesuatu ragam hias mengikut kehendak pasaran atau industri pada masa ini. Rekaan motif abstrak merupakan reka corak batik moden atau kontemporari yang menjadi pilihan para penggemar batik pada masa ini di Malaysia. Hal ini dapat dibuktikan menerusi pemakaian batik bermotifkan rekaan tradisional yang kebanyakannya digemari oleh golongan yang berusia, manakala golongan muda pula kurang berminat untuk meneruskan tradisi memakai pakaian yang bercorak tradisional ini. Kesannya, reka corak tradisional ini agak kurang diminati dan semakin kurang popular dalam kalangan penggemar batik khususnya golongan muda. Sebagai contoh, trend kemeja lengan pendek lelaki pada masa ini yang tampil dengan potongan kontemporari, pelbagai koleksinya diolah secara lebih kreatif bagi memenuhi cita rasa fesyen lelaki muda pada masa ini agar tampak lebih versatil apabila digayakan.

Sementara itu, bagi golongan wanita muda pula, pendekatan gaya kasual yang menekankan batik yang bersifat praktikal, rekaan dan potongan kain batik yang diketengahkan merupakan gabungan klasik moden, dan reka corak yang dihasilkan tidak berulang dan bersifat edisi terhad. Dalam konteks warna, pilihan bagi golongan muda ialah warna-warna terang seperti hijau, ungu, kuning, merah jambu terang, dan biru muda yang menjadi pilihan untuk digayakan sebagai pakaian santai, rasmi, dan sebagainya. Secara tidak langsung, revolusi ini berpotensi mengangkat seni indah batik dalam spektrum yang lebih moden dan segar.

Bagi pereka batik seperti Nor Azimah Harun, beliau menggunakan keunikan motif tradisional ini dengan mengolah dan mengubah reka corak tradisi ini kepada cetusan idea yang lebih abstrak dalam rekaan batik beliau yang bersifat kontemporari bagi mengembalikan nilai kesenian batik yang berpotensi untuk



**Rajah 5.** Dua Rekaan Etnik Borneo Berinspirasi Daripada Idea Pua Kumbu Diolah Secara Abstrak oleh Azimah Harun (2018).

dilestarikan. Keistimewaan dan keunikan idea abstrak yang dicetuskan dapat dilihat secara lebih jelas dalam koleksi reka corak yang dihasilkan oleh beliau dalam kajian ini.

Imej dan motif abstrak yang terdapat pada rekaan batik Nor Azimah Harun amat unik (Rajah 5) dengan reka corak abstrak yang dilakar dipelbagaikan imejnya dan diolah dengan lebih bebas. Aplikasi warna moden dan kontemporari menjadi pilihan di samping keunikan kombinasi motif abstrak yang menarik. Kelazimannya, motif rekaan abstrak pada batik berunsurkan pengaruh sekeliling yang dialami oleh seseorang pereka. Faktor atau pengaruh sekeliling didominasi oleh imej-imej yang terdiri daripada unsur alam flora dan fauna. Dari segi sejarah, evolusi secara perlahan-lahan telah mempengaruhi rekaan motif seni batik yang bersifat tradisi. Penggunaan motif tradisi yang berunsurkan alam flora dan fauna telah mengalami transformasi idea mengikut kreativiti para pereka sehingga terhasilnya motif abstrak yang lebih relevan.



## **Olahan Kreatif Idea dan Elemen Formal dalam Penghasilan Reka Corak**

Aspek teknikal, formalistik, dan ikonografi merupakan persoalan utama yang menjadi tunjang kepada setiap penghasilan reka corak batik. Keberkesanan untuk menggunakan elemen seni dan kehalusan dari segi kualiti serta teknikal bergantung pada tahap kefahaman setiap pereka dalam memilih dan menyusun imej-imej formal untuk menghasilkan kesatuan komposisi sesuatu reka corak. Reka corak batik lazimnya terdiri daripada beberapa elemen utama, iaitu:

### **(a) Pengayaan Batik**

Pengayaan batik menyentuh tentang imej yang dilihat, iaitu paparan elemen formalistik dalam batik yang dihasilkan. Antaranya adalah seperti garisan, rupa, bentuk, ruang, tona, dan warna. Kombinasi elemen formalistik sebagai imej sesuatu subjek akan menghasilkan corak yang dilakar oleh para pereka.

### **(b) Komposisi**

Komposisi dalam seni reka batik merupakan usaha untuk mengatur atau menyusun unsur-unsur yang dilakar sehingga menjadi harmoni (serasi, selaras, dan seimbang). Komposisi juga merupakan salah satu elemen formalistik yang penting dalam mengolah reka corak menjadi lebih kreatif. Untuk menghasilkan reka corak batik kontemporari, komposisi reka corak perlulah dihasilkan secara harmoni dan para pereka perlu memahami dan menguasai elemen-elemen dan prinsip-prinsip rekaan dengan lebih mendalam.

### **(c) Motif dan Teknik**


Motif, iaitu sama ada rupa mahupun bentuk asas dalam sesuatu rekaan yang terdiri daripada motif flora, fauna, organik, dan geometri. Motif pembuatan batik merupakan corak-corak hiasan yang digunakan dalam proses melukis atau menerap batik. Motif batik dihasilkan dalam dua bentuk utama, iaitu motif organik dan motif geometri. Motif organik berunsurkan alam semula jadi seperti awan larat, tumbuh-tumbuhan, bunga-bunga, dan haiwan. Teknik batik merupakan suatu teknik pewarnaan pada kain menggunakan

penutupan kain (alat membatik seperti canting dan cap) dengan lilin sehingga menghalang pewarna kain untuk merebak sehingga menjadikan sesuatu kain itu bercorak dengan hiasan warna yang pelbagai.

(d) Makna

Makna sesuatu reka corak merupakan interpretasi terhadap maksud berdasarkan apa yang dilihat oleh seseorang pereka. Persepsi sedemikian merujuk kepada pengertian mengapakah sesuatu reka corak itu dihasilkan? Sebagai contoh, interpretasi makna dikaitkan dengan isu yang signifikan dengan budaya, adat, kepercayaan, sejarah, mitos, legenda, tema, dan sebagainya. Kesatuan elemen-elemen yang berkaitan dan makna saling berkait rapat dalam menyampaikan mesej sesuatu reka corak yang dihasilkan.

### **Kreatif Idea dan Elemen Formal dalam Rekaan Nor Azimah Harun**




**Rajah 6.** Rekaan Gabungan Flora & Abstrak.

a) Pengayaan Reka Corak

Reka corak yang bebas dan mempunyai unsur organik dan abstrak merupakan aspek utama dalam pembentukan idea dan motif dalam setiap hasil karya beliau. Menurut Nor Azimah Harun, pembentukan

idea ini dilakukan berdasarkan pengamatan beliau sendiri terhadap warisan kraf tradisi orang Melayu zaman dahulu. Sebagai contoh, motif bunga mawar dikombinasikan dengan imej abstrak yang boleh dilihat menerusi Rajah 6. Penerokaan melalui teknik pengayaan yang ringkas dan cara pengubahsuaian yang kreatif telah mencetuskan idea reka corak yang lebih menarik dan kontemporari. Idea motif flora yang ditransformasikan menjadi bentuk abstrak amat bersesuaian dalam reka corak batik moden pilihan peminat-peminat batik di Malaysia. Selain itu, motif bunga mawar yang digayakan secara abstrak telah menghasilkan kombinasi motif yang pelbagai bersama motif-motif abstrak yang lain.




**Rajah 7.** Rekaan Gabungan Flora & Fauna.

b) Komposisi

Hasil karya Nor Azimah Harun dalam Rajah 7 diolah dengan menggunakan variasi motif flora dan fauna yang dilakar secara abstrak. Proses penyusunan saiz motif yang berperingkat dan pelbagai, iaitu daripada ukuran kecil sehinggalah ukuran besar. Struktur rekaan motif yang tidak berformat dan implikasi reka corak yang agak bebas menjadikan karya ini lebih menarik. Prinsip rekaan banyak terhasil apabila elemen-elemen asas digabungkan dalam setiap reka corak

ciptaan beliau. Keseimbangan dapat dizahirkan dengan aplikasi reka corak yang kompleks dan padat serta diseimbangkan dengan penggunaan warna yang kontras dan terang. Kombinasi reka corak secara menyeluruh menjadikan komposisi motif batik Nor Azimah Harun menampakkan secara jelas nilai-nilai estetik yang ditekankan. Inovasi reka coraknya agak jelas apabila tiada batasan dalam menghasilkan rekaan reka corak dan sentiasa menimbulkan keserasian walaupun pelbagai karakter motif dapat disatukan.



**Rajah 8.** Dua Rekaan Etnik Afrika Diolah Secara Abstrak oleh Nor Azimah Harun (2018).

Rajah 8 menunjukkan hasil karya Nor Azimah Harun yang disampaikan menerusi penggunaan motif etnik dan digayakan secara abstrak. Komposisi reka coraknya diolah dalam pelbagai pengayaan dan didasari oleh prinsip harmoni, variasi, kesatuan, dominan, kontras, dan penegasan. Prinsip harmoni dilihat pada sifat warna yang diseimbangkan dengan warna kontras dan warna sejuk. Seterusnya, pengulangan motif yang seimbang dengan susun atur bersaiz kecil dan besar.

Prinsip kepelbagaian dilihat dari aspek jumlah motif yang disatukan dan reka letak motif yang bervariasi pada permukaan reka corak kain batik. Di samping itu, penggunaan teknik resist secara

berkesan diaplikasikan melalui teknik mencanting dan sapuan berus. Sementara itu, prinsip dominan pula divisualkan melalui penggunaan pelbagai corak dan kombinasinya yang digabungkan secara padat pada permukaan kain. Kesan kontras pula dipaparkan melalui penggunaan gabungan positif dan negatif bagi mewujudkan tumpuan pada karya. Penegasan pada reka corak dipaparkan melalui aplikasi reka corak yang diolah tanpa mewujudkan ruang-ruang yang besar apabila lakaran motif dihasilkan. Pendekatan ini bertujuan untuk menyampaikan maksud bahawa batik memerlukan kelainan dan perlu lari daripada unsur-unsur tradisi untuk terus melekat di hati peminat-peminatnya. Dalam erti kata yang lain, ciri-ciri tradisi tetap perlu dilestarikan dan inovasi itu perlulah juga dilakukan untuk kebaikan jangka panjang. Olahan elemen-elemen formal melalui garisan, motif, rupa, ruang, warna, dan jalinan pula berperanan sebagai unsur estetik dalam penghasilan karya abstrak batik.

a) Motif dan Teknik

Cetusan reka corak abstrak yang kaya dengan pelbagai motif dalam seni reka batik dihasilkan melalui gabungan motif tradisi dan moden. Seterusnya, dikreatifkan dengan menggunakan beberapa teknik dalam resist. Secara ringkasnya, cetusan idea motif dan prosesnya adalah seperti yang berikut:

- i. Nor Azimah Harun menggunakan material berupa kain sutera untuk mendapatkan kesan motif yang terhasil lebih eksklusif dan unik. Antara jenis kain sutera yang ada adalah seperti sifon, satin, CDC, dan jaquard menjadi pilihan utama beliau kerana agak lembut. Apabila dicanting, maka kesan lilin yang halus akan terserlah dan batik juga akan kelihatan lebih berkualiti, unik, dan selesa apabila dipakai oleh para penggemarnya.
- ii. Beberapa teknik seperti tindihan lilin dan warna digunakan dalam proses penghasilan reka corak. Teknik ini menghasilkan motif dan warna batik menjadi lebih *eksklusif*.
- iii. Motif abstrak yang berasaskan tenunan Borneo dan ragam hias Sarawak dilakar sebagai motif utama dan digabungkan untuk menghasilkan batik kontemporari.

- iv. Proses penghasilan batik kontemporari dilakukan menerusi beberapa peringkat yang bermula dengan persediaan regangan kain putih (kain sutera) pada pemidang sehinggalah proses merebus dan pengeringan kain.

b) Makna

Reka corak yang bertemakan budaya Borneo dan motif-motif etnik telah dapat memberi gambaran yang jelas tentang ruang lingkup idea-idea yang dicetuskan oleh para pereka (Nor Azimah Harun). Motif-motif digayakan dan diolah berdasarkan pemahaman terhadap elemen-elemen formalistik di samping teknik serta aplikasi warna yang bersifat harmoni. Para pereka boleh mengaplikasikan ragam hias berasaskan motif dan teknik sebagai idea dalam menghasilkan batik kontemporari yang kreatif. Cetusan idea Nor Azimah Harun juga berjaya mengadaptasi motif abstrak dan komposisinya sebagai inovasi baharu menerusi kepelbagaian teknik batik.

Gabungan motif abstrak menjelaskan simbol kepada penyatuan yang dipancarkan melalui fungsi rekaan motif abstrak sebagai simbol keindahan apabila diperagakan. Konsep abstrak merupakan unsur yang bermaksud cetusan inovasi dalam rekaan batik Nor Azimah Harun. Beliau telah mewujudkan rekaan kreatif, unik, dan harmoni yang amat sinonim dengan aspirasi dan impian peminat-peminat batik kontemporari pada masa ini.

## **Rumusan**

Kraf tangan yang berunsurkan batik merupakan seni warisan yang amat berkait rapat dengan kehidupan masyarakat Melayu sejak zaman-berzaman. Nilai-nilai keindahan dalam seni reka batik bukan sahaja diaplikasikan melalui bahan, proses, dan teknik pembuatan, malahan turut disokong oleh unsur-unsur dan prinsip-prinsip seni reka. Rekaan kain peragaan yang berunsurkan motif abstrak merupakan langkah untuk melestarikan dan memartabatkan warisan budaya batik tempatan dalam pengayaan kontemporari. Penghasilan dan olahan idea berasaskan motif abstrak yang lebih kontemporari secara tidak langsung menghasilkan rekaan batik yang dapat menyampaikan

maksud dan nilai budaya Melayu yang semakin ketara keterbukaannya seiring dengan kemajuan dunia pada masa ini. Kajian berasaskan motif abstrak ke arah yang lebih kontemporari dapat memperkenalkan dekorasi dan ragam hias inspirasi daripada pereka Nor Azimah Harun yang berjuang dalam industri batik pada masa ini. Gabungan antara elemen formalistik dan prinsip rekaan dalam seni batik merupakan tunjang utama dalam menentukan nilai estetik yang tinggi dalam rekaan batik beliau.

Dapatan daripada penyelidikan ini jelas menunjukkan bahawa idea untuk menghasilkan reka corak motif batik yang berasaskan sumber inspirasi abstrak dalam konteks kehidupan moden pada masa ini perlulah diperhebat demi meletakkan batik kontemporari terus berada di persada terbaik dalam industri kraf di Malaysia. Walaupun kajian ini merupakan kajian untuk melihat potensi dalam meneroka keberkesanan penggunaan reka corak abstrak ke dunia kontemporari dalam bidang peragaan dan pemakaian di Malaysia. Dalam proses mengeluarkan produk batik kontemporari yang berasaskan motif abstrak, penyelidikan yang berkaitan dengan motif abstrak ini perlu dilakukan dengan lebih serius dan mendalam.

Tujuan utamanya adalah untuk menambah dan memperkasakan ragam hias atau motif yang bercorakkan abstrak supaya dapat bersaing dengan jenis-jenis peragaan tekstil yang lain. Secara lebih jelas lagi, reka corak atau produk batik yang terhasil beridentitikan batik Malaysia kontemporari, bermutu tinggi, dan berdaya saing dalam era globalisasi dalam industri batik yang semakin mencabar. Demi memenuhi misi ini, satu penyelidikan telah dilakukan bagi mengkaji dan mengenal pasti penggunaan motif abstrak dalam penghasilan peragaan batik di bengkel batik milik seorang pereka batik yang bernama Nor Azimah Harun. Dalam penyelidikan ini, motif abstrak telah diolah dengan lebih kreatif dan digunakan sebagai reka corak motif pada kain sutera dan kain kapas.

Pemilihan motif dan reka corak berasaskan motif lakaran abstrak sebagai sumber inspirasi dalam penghasilan kain batik kontemporari. Penyelidikan ini dirumuskan berdasarkan hasil kajian yang mendapati bahawa reka corak abstrak atau peragaan batik kontemporari ini

menepati cita rasa para penggemar batik pada masa ini. Dengan adanya aplikasi dan transformasi daripada motif-motif lama, kombinasi atau gabungan motif abstrak akan memberi ruang untuk industri batik terus berkembang dan dapat disesuaikan serta memenuhi cita rasa dunia fesyen kontemporari. Keunikan, keindahan, dan kehalusan motif abstrak dapat ditransformasikan melalui inovasi reka bentuk yang bersesuaian dengan tuntutan cita rasa masyarakat pada masa ini. Penyelidikan ini dapat membantu industri batik menjadi semakin kukuh dan penghasilan produk batik menjadi salah satu produk kraf yang paling popular dan produktif di negara ini. Diharapkan melalui penyelidikan ini, perkongsian informasi atau maklumat dengan pakar-pakar dalam bidang yang berkaitan mengenai penggunaan motif abstrak pada batik akan terus dilestarikan dalam kalangan penyelidik, pereka, pengusaha, dan pengguna batik di Malaysia.

## **Bibliografi**

- Abdullah B.M. (1990). *Batik kita: Falsafah motif-motif dan sejarahnya dalam warisan Kelantan IX*: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Amin, I.M. (2006). *Manufacturing and marketing of traditional crafts: Malaysian perspective. Paper presented at the meeting of the APEC/SME Seminar on Support for Local and Cottage Industries*, Hanoi, Vietnam. September 2006.
- Arnheim, R. (1989). *Thoughts on art education. Los Angeles: The J. Paul Getty Trust*.
- Azmi, J., Umor, Z., Ismail, M.S., Abdullah, K., Ali, N., & Kamaruzaman, N. (2009). *Seni kraf batik: Motif dan teknik*. Kuala Lumpur: Institut Kraf Negara.
- Norhayati bt. A.H.J. (2016). *Nilai Estetika dalam penghasilan rekaan seramik kontemporari berinspirasi motif etnik Borneo*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.



- Shukri M. b. C.Y. (2014). *Eksperimentasi teknik-teknik resist pada fabrik denim terbuang bagi rekaan fesyen pakaian*. Kertas Projek, Universiti Malaysia Sarawak, Kuching, Sarawak.
- Harozila bt. R. (2007). *'Batik Painting' dan 'Painting Batik' dalam Perkembangan Seni Lukis Moden Malaysia*. Tesis Ph.D, Universiti Sains Malaysia, Minden, Pulau Pinang.
- Conant, H. (1964). *Art education. New York: The Center for Applied Research in Education, Inc.*
- Johari M. b. A. H. (2004). *Falsafah dan kritikan seni*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Kheng J. N. S. (2002). *The application of other various textiles techniques*. Prosiding untuk Seminar Batik: Ekspresi, Eksplorasi, dan Komunikasi. Malaysia: Institut Kraf Negara, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.
- Kraftangan Malaysia: *Laporan Tahunan 2012. Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia*. Retrieved on 1 Mac 2019 from [www.kraftangan.gov.my](http://www.kraftangan.gov.my).
- Langewis, L., & Wagner Frits, A. (1964). *Indonesian textiles. Leiden: N.V. Mouton & Co.*
- Mulyadi b. M. (1995). *Seni Lukis dalam peristiwa*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ghazali M. b. H. (1992). *Peranan dan sumbangan Angkatan Pelukis SeMalaysia (APS) terhadap Perkembangan Seni Lukis Negara*.
- Jumain A. b. A. B. (1990). Batik: Sejarah dan keistimewaan tekniknya. *Akademika*, 37 (Disember 1990), pp. 73 - 90.
- Dr. K. Bertens. (1975). *Sejarah filsafat Yunani, dari Thales ke Aristoteles*. Yogyakarta: Penerbitan Yayasan Kanisus.
- Osbornd, H. (1970). *Aesthetic and criticism*. Toronto: Oxford, University Press.

Feldman, E. B. (1967). *Art as image idea*. Prentice Hall Inc, New Jersey.

Langewis, L. dan Wagner Frits, A. (1964) *Indonesian textiles*. Leiden: N.V. Mouton & Co.

Gilby, T. St. (1962). *Thomas Aquinas philosophical texts*. London: Oxford University Press.